

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1993/94

April 1994

HLP 209/NSK 038 Teater Teknikal I - Latarhias

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab LIMA [5] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan peranan latarhias di dalam sebuah produksi dan huraikan proses garapannya.
2. Latarhias membentuk sebuah illusi. Bincangkan kenyataan ini dari sudut pereka set dan penonton.
3. Anda telah dilantik sebagai pengurus teknikal sebuah teater baru. Huraikan proses membentuk teater itu dengan sebuah bahagian latarhias yang lengkap dengan segala keperluan untuk memenuhi kehendak berbagai jenis produksi.
4. Dengan menggunakan rajah terangkan cara membina, menghubungkan dan menyokong flat dengan mengambilkira cara penyimpanan (storage) yang kemas.
5. Dengan menggunakan bahagian-bahagian latarhias berikut, bentukkan sebuah lakaran (sketch) dan pelan lantai (ground plan) [mengikut kaedah lukisan teknikal] yang menggambarkan sebuah komposisi yang menarik.
  - (a) Pankin
    - i. 3 buah berukuran 4" x 8" x 3"
    - ii. 2 buah berukuran 4" x 8" x 5"
    - iii. 3 buah berukuran 4" x 8" x 1 1/2"
  - (b) 2 buah flat tingkap

- (c) sebuah tangga
  - (d) 2 buah flat pintu
  - (e) sebuah arch
6. Symbolisma adalah aspek penting di dalam teater. Bincangkan bagaimana ianya digunakan di dalam sesebuah ciptaan latarhias.
7. Huraikan konsep rekabentuk visual dengan penegasan kepada latarhias di dalam teater, film dan televisyen.

-ooo000ooo-